# JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

## KENYATAAN MEDIA (08 NOVEMBER 2020)

## 1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **dua (2) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kes-kes baharu ini masing-masing satu (1) kes di kesan di daerah Kuching dan Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 987 kes.**

### A. Kes COVID-19 Baharu

#### I. Daerah Kuching (1 Kes Baharu) (Kes Saringan Individu Bergejala)

Kes Ke-986 merupakan seorang lelaki warga emas warganegara tempatan yang telah mendapatkan rawatan dan menjalani saringan COVID-19 di sebuah hospital swasta pada 7 November dan keputusan kes didapati positif COVID-19 pada hari yang sama.

Kes ini mula mengalami batuk dan sesak nafas mulai 4 November 2020. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Sehingga siasatan lengkap dfijalankan, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

II. **Daerah Miri (1 Kes Baharu) (Kes Saringan Sebelum *Sign On* Kapal)**

Kes Ke-987 ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan sebelum *sign on* kapal di sebuah hospital swasta di Miri pada 6 November 2020. Keputusan ujian rT-PCR kes telah didapati positif pada 8 November 2020.

Kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Sehingga siasatan lengkap dfijalankan, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

**B. Kluster Putra Di Daerah Bintulu Diisytiharkan Tamat.**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin memaklumkan bahawa, Kluster Putra di Daerah Bintulu, Sarawak telah tamat hari ini. Kluster ini merupakan kluster yang terpencil dan hanya melibatkan daerah Bintulu sahaja.

**C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat lima (5) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) **Kluster Greenhill di Daerah Kuching**.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah kekal 77 orang termasuk kes indeks.

ii) **Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching**.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal 35 orang termasuk kes indeks.

iii) **Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching**.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal 12 orang termasuk kes indeks.

iv) **Kluster Baki di Daerah Kuching**.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal 33 orang termasuk kes indeks.

v) **Kluster Seladah di Daerah Kuching**.

Tiada kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

## D. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **tujuh (7)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua ke-kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **819** orang atau **82.98%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **149** orang iaitu:

- 119 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 26 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibu.

Hari ini **tiga (3) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

## E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai **145** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Miri, Lundu dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

## 2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA BENCANA NEGERI

### A. SOP PKPB Daerah Kuching

Seperti yang telah diumumkan semalam, hari ini SOP PKPB bagi Daerah Kuching telah dikeluarkan berkuatkuasa pada tengah malam ini jam 12.01 pagi dan berakhir pada 22 November 2020 jam 11.59 malam dengan melibatkan semua aktiviti seperti berikut:

**Aktiviti yang dibenarkan melibatkan:**

i. Rantaian aktiviti ekonomi dan industri
ii. Melaksanakan tugas rasmi kerajaan
iii. Mendapatkan rawatan kesihatan, urusan kecemasan dan kematian

**Aktiviti yang tidak dibenarkan melibatkan:**

i. Senarai aktiviti yang tidak dibenarkan
ii. Pergerakan keluar atau masuk penduduk dari kawasan PKPB selain urusan / aktiviti yang dibenarkan

SOP PKPB terperinci seperti yang terdapat di dalam portal rasmi MKN.

### B. Penutupan Sekolah Di Sarawak

Seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, semua sekolah di Sarawak akan ditutup bermula 9 November sehingga ke hari akhir persekolahan tahun ini iaitu pada 18 Disember 2020.

**C. Pelanjutan Tatacara Kemasukan Ke Sarawak**

Bagi tatacara kemasukan dan kuarantin selama 14 apabila masuk ke Sarawak yang telah diumumkan sebelum ini adalah **DILANJUTKAN sehingga 22 November 2020.**

## 3. LAPORAN NOTIS TANGKAPAN/KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah menangkap dua (2) orang warga Indonesia di daerah Kuching yang sedang menjalankan kerja-kerja lanskap di hadapan sebuah rumah kerana telah melanggar SOP dengan tidak memakai pelitup muka dan mengeluarkan **38 kompaun** di Daerah Lawas (15), Kuching (11), Bintulu (6), Padawan (2), Miri (2), Dalat (1) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **122 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan SMC (30), MPP (23), DBKU (21), MD Marudi (15), BDA (13), MDDM (7), SRDC (5), MD Serian (3), MDMJ (3) dan MD Sarikei (2).

## 4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,655 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (189), Restoran (365), Kilang (8), Bank (106), Pejabat Kerajaan (61), Penjaja (49), Pasar Tani/Awam (83), Tempat Ibadah (76), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (17) dan lain-lain (665).

Seramai **530 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (263), ATM (31), RELA (124), APM (75), PBT (32), KKM (3) dan lain-lain agensi (2).

## 5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,370** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**
**08 NOVEMBER 2020**
**5.00 PETANG**

# MAKLUMAT TAMBAHAN

## 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Previous Cases | | 985 | Total Cases still in ward | 149 | 15.10% |
| New Cases | | 2 | Cases in *Intensive Care Unit (ICU)* | 0 | 0.00% |
| Total Samples by Individu | | 156,333 | Intubated Cases | 0 | 0.00% |
| Cumm. Positve Cases | | 987 | Total Death Cases | 19 | 1.93% |
| IR per 100,000 population | | 31.99 | Recovered and discharged cases | 819 | 82.98% |
| Lab. Results (PUI) | New | Cummulative | *Patient Under Investigation* (PUI) | New | Cummulative |
| Negative | 7 | 9,335 | | 3 | 10,323 |
| Pending Result | 0 | 1 | | | |

| Current Status | | SGH Kuching | Hospital Sibu | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Sungai Buloh | TOTAL |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Patients still in ward | | 119 | 2 | 2 | 26 | 0 | 149 |
| Kes di *Intensive Care Unit (ICU)* | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Intubated cases | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Total Death Cases | | 17 | 0 | 0 | 2 | 0 | 19 |
| Recovered and discharged cases | New | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| | Cummulatiive | 688 | 39 | 47 | 43 | 2 | 819 |
| Total re-admmission cases (*Re-tested Positive*) | | 9 | 9 | 3 | 1 | 0 | 22 |

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

| DAERAH MERAH (1) | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Kuching | 2 | 6,859 | 1 | 646 | 7 | 520 | 0 | 12 | 114 | 153 | 145 |
| Jumlah | | 2 | 6,859 | 1 | 646 | 7 | 520 | 0 | 12 | 114 | 153 | 145 |

| DAERAH KUNING (3) | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Lundu | 0 | 261 | 0 | 7 | 0 | 4 | 0 | 0 | 3 | 4 | 4 |
| 2 | Miri | 1 | 907 | 1 | 54 | 0 | 30 | 0 | 1 | 23 | 23 | 14 |
| 3 | Limbang | 0 | 33 | 0 | 11 | 0 | 9 | 0 | 1 | 1 | 1 | 1 |
| Jumlah | | 1 | 1,201 | 1 | 72 | 0 | 43 | 0 | 2 | 27 | 28 | 19 |

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

| DAERAH HIJAU (36) | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Samarahan | 0 | 579 | 0 | 115 | 0 | 110 | 0 | 4 | 1 | 2 | 0 |
| 2 | Bintulu | 0 | 320 | 0 | 49 | 0 | 47 | 0 | 0 | 2 | 3 | 0 |
| 3 | Lubok Antu | 0 | 28 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Sibu | 0 | 121 | 0 | 17 | 0 | 15 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 |
| 5 | Lawas | 0 | 25 | 0 | 7 | 0 | 4 | 0 | 0 | 3 | 3 | 0 |
| 6 | Serian | 0 | 315 | 0 | 25 | 0 | 25 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | Bau | 0 | 180 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Simunjan | 0 | 64 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | Tebedu | 0 | 6 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | Asajaya | 0 | 44 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 12 | Sri Aman | 0 | 55 | 0 | 4 | 0 | 3 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 13 | Betong | 0 | 190 | 0 | 16 | 0 | 16 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | Mukah | 0 | 48 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Matu | 0 | 6 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16 | Sarikei | 0 | 92 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Saratok | 0 | 26 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | Pusa | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20 | Meradong | 0 | 35 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | Julau | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23 | Kanowit | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | Selangau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25 | Tatau | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26 | Sebauh | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27 | Dalat | 0 | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28 | Daro | 0 | 7 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Kapit | 0 | 36 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31 | Song | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32 | Bukit Mabong | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33 | Marudi | 0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 34 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 35 | Beluru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 36 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | | **0** | **2,263** | **0** | **269** | **0** | **256** | **0** | **5** | **8** | **10** | **0** |
| **Jumlah Besar** | | **3** | **10,323** | **2** | **987** | **7** | **819** | **0** | **19** | **149** | **191** | **164** |

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **155** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **26 buah hotel** adalah seramai **2,159 orang.** Manakala seramai **30,180 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 08.11.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|---|---|---|---|
| 1 | Kuching (1,302) | Hock Lee | 84 |
| 2 | | Kuching Park | 107 |
| 3 | | Hilton | 292 |
| 4 | | Harbour View | 243 |
| 5 | | Riverside (Astana Wing) | 222 |
| 6 | | Tune Hotel | 90 |
| 7 | | Dormani Hotel | 53 |
| 8 | | Grand Continental | 93 |
| 9 | | Meritin | 78 |
| 10 | | Longhouse | 40 |
| 11 | Miri (448) | Mega Hotel | 72 |
| 12 | | Imperial Palace | 97 |
| 13 | | Eastwood Valley | 48 |
| 14 | | Meritz | 78 |
| 15 | | Miri | 32 |
| 16 | | Dynasty | 88 |
| 17 | | Citi Hotel | 33 |
| 18 | Bintulu (138) | Wasan Inn | 31 |
| 19 | | Kidurong Inn | 35 |
| 20 | | Motel Kapok | 46 |
| 21 | | Faber Inn | 26 |
| 22 | Limbang (185) | Purnama | 75 |
| 23 | | Seri Malaysia (Lawas) | 92 |
| 24 | | Shangshan (Lawas) | 0 |
| 25 | | Mandarin (Lawas) | 18 |
| 26 | Sibu (86) | Premier | 86 |
| | | **Jumlah PUS** | **2,159** |

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (3), Kapit (1), Miri (1) dan Limbang (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,941 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 08.11.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | OPERASI SEMASA | OPERASI TERKUMPUL |
|---|---|---|---|
| **1** | **Kuching** | **3** | **640** |
| **2** | **Miri** | **1** | **368** |
| 3 | Sibu | TIADA | 188 |
| 4 | Samarahan | TIADA | 129 |
| 5 | Bintulu | TIADA | 121 |
| 6 | Sarikei | TIADA | 118 |
| **7** | **Limbang** | **1** | **90** |
| 8 | Serian | TIADA | 69 |
| 9 | Betong | TIADA | 58 |
| 10 | Sri Aman | TIADA | 54 |
| **11** | **Kapit** | **1** | **54** |
| 12 | Mukah | TIADA | 52 |
| **Jumlah Keseluruhan** | | | **1,941** |

## 4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **55 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 08.11.2020 @ 8.00 pagi)

| **BIL** | **BAHAGIAN** | **LOKASI** |
|---|---|---|
| 1 | DBKU | 3 |
| 2 | MP Padawan | 2 |
| 3 | MD Lundu | 7 |
| 4 | MD Serian | 3 |
| 5 | MD Sri Aman | 7 |
| 6 | MP Sibu | 9 |
| 7 | BDA | 1 |
| 8 | MCC | 13 |
| 9 | MD Marudi | 3 |
| 10 | MD Lawas | 7 |
| | **Jumlah** | **55** |